

24/07/1997

KKYS bantu kerajaan dalam bidang pendidikan

Johary Indan

BERPEGANG falsafah ilmu kemahiran sebagai bekalan hidup insan berbakti demi kemajuan diri, masyarakat, bangsa dan negara, Kolej Komuniti Yayasan Sabah (KKYS) berhasrat berusaha membantu kerajaan dalam bidang pendidikan.

Antara langkah diambil mempertingkatkan mutu serta menambah kursus sesuai ditawarkan menerusi kerjasama institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan lain ke arah pembangunan, kemajuan dan meningkatkan mutu guna tenaga.

Menerusi usaha itu juga, KKYS yang diwujudkan Yayasan Sabah untuk melaksanakan program latihan teknikal yakin berupaya menangani pelbagai cabaran serta menyumbang kepada pencapaian matlamat Wawasan Negara.

Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Musa Aman, mengakui langkah itu sesuai dengan kepekaannya dalam perkembangan pendidikan, teknologi canggih dan kemahiran ketrampilan diri di negeri itu.

"Wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu menjadikan Malaysia negara pesat membangun dalam pengendalian Koridor Raya Multimedia menjadi inspirasi Yayasan Sabah memasuki era kemajuan komputer.

"Sesuai konsep itu, Yayasan Sabah menandatangani memorandum persefahaman dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk mewujudkan kerjasama menawarkan kursus berasaskan komputer di KKYS, April lalu," katanya.

Sehingga ini, KKYS berjaya melahirkan 462 pelajar sejak diwujudkan 1989 serta turut mendapat pentauliah Majlis Latihan Vokasional Malaysia (MLVK), Kementerian Sumber Tenaga Manusia.

Musa berkata, KKYS dengan kemampuan yang ada juga akan terus berusaha melatih belia tempatan yang berminat dalam bidang kemahiran tangan untuk memenuhi keperluan tenaga mahir.

Selain itu, KKYS akan mempertingkatkan kemahiran tenaga pengajarnya dengan memberikan peluang kepada mereka mengikuti kursus atau bengkel sesuai dengan bidang mereka.

Sebagai komponen penting, setiap program yang ditawarkan KKYS mendapat sokongan jawatankuasa penasihatnya sendiri dianggotai wakil industri berkaitan, persatuan profesional, persatuan kakitangan, jurulatih dan pelajar.

"Untuk memenuhi keperluan tenaga mahir yang kian bertambah, kursus di antara sehari sehingga tiga tahun.

"Kursus yang ditawarkan pula lebih memberikan penekanan kepada kemahiran amali dan kemahiran tangan," katanya.

Ketika ini, program pengajian ditawarkan kepada penduduk Malaysia yang bermastautin di Sabah bagi memenuhi keperluan tenaga manusia ialah:

- * Teknologi kayu yang mengkhusus dalam pembuatan perabot peringkat sijil selama setahun.

- * Teknologi kayu yang mengkhusus dalam pembuatan perabot peringkat diploma selama dua tahun.

- * Binaan dan bangunan peringkat diploma selama dua tahun.

- * Teknologi automatif peringkat diploma selama dua tahun.

- * Pengurusan perniagaan peringkat sijil selama setahun.

- * Kewartawanan peringkat sijil selama setahun serta

- * Kursus kepimpinan jangka pendek.

Sementara itu, dua kursus tambahan lain ialah:

- * Bahasa Inggeris; bahasa Cina (Mandarin).

- * Kepimpinan; pengurusan dan keusahawanan.

Kursus dalam perancangan kejuruteraan elektrik dan mekanikal; program

berkembar; pelancongan dan hospitaliti; perhubungan awam; kursus pembuatan dan senireka fesyen; batik; seramik dan rekabentuk dalaman; serta pendidikan.

Musa berkata, KKYS yang asalnya Institut Pembangunan Insan (IPI) berfungsi sebagai kolej pengajian masyarakat yang mengendalikan kursus mengikut keperluan semasa masyarakat di Sabah.

"KKYS beroperasi sebagai pusat pengajian unggul di negeri ini dengan menawarkan pelbagai bidang, pengajian, latihan sambil mendokong dasar dan wawasan pendidikan kebangsaan untuk melahirkan generasi guna tenaga," katanya.

Selain itu, KKYS menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Kolej Masyarakat Kanda (ACCC) Toronto, Kanada dalam bidang pengembangan kurikulum, latihan kakitangan, pembangunan fizikal kampus dan peralatan sejak 1991.

Menurut beliau, kerjasama itu diwujudkan bagi mempertingkatkan perkembangan kolej berkenaan dalam bidang:

- * Penggubalan kurikulum dengan bantuan ahli perniagaan industri dan masyarakat.

- * Perancangan jangka pendek dan jangka panjang.

- * Bantuan dari segi kepakaran dan latihan untuk tenaga pengajar KKYS.

"MLVK juga melantik KKYS sebagai pusat bertauliah menjalankan kursus berdaftar dengan Pusat Kemahiran Kebangsaan (PKK) bidang mekanik kenderaan, pembuatan perabot dan binaan bangunan.

"Ketika ini, bidang teknologi kayu dan teknologi binaan dilaksanakan dua tahap dan dipertingkatkan dari masa ke semasa," katanya.

Beliau berkata, perjanjian persefahaman dengan UTM membolehkan KKYS berusaha mengadakan kursus baru termasuk yang sudah dikenali dua gabungan berkenaan bagi meningkatkan kemahiran belia di negeri ini.

Antara kursus itu:

- * Kursus lukisan rekabentuk berbantu komputer selama 12 minggu.

- * Kursus pengurusan pejabat berbantu komputer selama 16 minggu.

- * Kursus penyelenggaraan dan baik pulih komputer selama 16 minggu.

Program diploma yang dirancang dilaksanakan oleh KKYS dan UTM pula ialah:

- * Diploma kejuruteraan awam.

- * Diploma kejuruteraan mekanik.

- * Diploma Sains Komputer.

- * Diploma pengurusan teknologi.

Sebagai kemudahan peserta kursus ditawarkan, KKYS menyediakan tempat tinggal untuk pelajar yang berasal luar daerah dengan peserta hanya diperlukan membayar yuran bernilai RM375 semester.

Sehubungan itu, KKYS memberikan keutamaan kepada penduduk negara ini terutama yang menetap di Sabah untuk mengikut program latihan yang ditawarkan oleh kolej berkenaan.

Musa berkata, seseorang pemohon mestilah berumur 17 tahun ke atas, sihat dan mampu menunaikan keperluan kursus menerusi pengambilan pelajar tanpa mengira suku kaum, jantina kelamin dan agama.

Lepasan KKYS akan memiliki kemahiran membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan dalam bidang latihan yang dipelajari dan berdikari menerusi perkembangan perniagaan sendiri.

Pelajar KKYS yang lulus secara tradisinya diberikan pengiktirafan dengan harapan kejayaan yang diperolehi itu menjadi pendorong bergerak maju pada bidang diceburi.

"Rasional di sebalik penubuhannya melahirkan sumber tenaga manusia terlatih dan berkemahiran selaras keperluan guna tenaga dalam negeri khususnya bidang perdagangan, perniagaan dan perindustrian," katanya.

(END)